

# Ubat 'sado' RM14j tak lulus KKM dirampas

## Polis tahan dua beradik dipercayai dalang sindiket

Oleh Nur Izzati Mohamad  
bhnews@bh.com.my

**Georgetown:** Polis menumpaskan sindiket memproses ubat-ubatan tradisional tidak berdaftar selepas merampas 22 item dan 156,777 botol ubat pelbagai jenama bernilai RM14 juta dalam dua serbuan di sebuah kilang dan premis di Bukit Mertajam dan Butterworth, dekat sini pada Khamis lalu.

Serbuan pada jam 10 pagi dan 10.30 pagi itu diadakan bersama Cawangan Penguatkuasaan Farmasi Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP).

Ketua Polis negeri, Datuk Sahabudin Abd Manan, berkata polis pada mulanya mengesyaki ada sindiket memproses dadah yang dijalankan di sebuah kilang di

Taman Perindustrian Macang Indah, Bukit Mertajam melalui maklumat awam sebelum ini.

Bagaimanapun, risikan mendapati ia adalah kegiatan memproses ubat-ubatan tidak berdaftar dengan Kementerian Kesihatan.

"Berikutan itu, polis meminta kerjasama pihak JKNPP dan seterusnya melakukan pemeriksaan ke atas ubat-ubatan itu sebelum ia disahkan tidak berdaftar.

"Polis seterusnya merampas 22 jenis item termasuk peralatan untuk menghasilkan produk ubat-ubatan terlarang berkenaan yang bernilai RM2 juta.

"Polis juga menahan penyewa kilang iaitu seorang lelaki warga tempatan berusia 50 tahun yang juga dalang sindiket serta pasangan suami isteri berusia 48 dan 44 tahun yang bekerja di kilang terbabit," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Katanya, siasatan ke atas suspek pertama membawa kepada serbuan kedua di sebuah premis di Taman Kencana Butterworth.

Beliau memaklumkan, dalam serbuan kedua itu, JKNPP merampas 156,777 botol ubat-ubatan

bernilai RM12 juta dan polis menahan seorang lelaki berusia 50 tahun yang juga abang kepada salah seorang suspek.

"Siasatan awal mendapati sindiket berkenaan mula beroperasi awal tahun ini dan dalang utama serta abangnya mempunyai rekod lampau berkaitan jenayah dan dadah manakala suami isteri pula tiada rekod lampau," katanya.

Katanya, semua suspek kemudian dibebaskan dengan ikat jamin pada hari sama serbuan dibuat sejurus polis selesai mengambil keterangan ke atas mereka.

Sementara itu, Ketua Cawangan Penguat Kuasa Farmasi JKNPP, Arnie Fadzilah, berkata siasatan ke atas ubat 'sado' yang dirampas itu didapati mengandungi steroid yang membantu untuk menaikkan berat badan.

"Ia amat berbahaya kerana boleh merosakkan buah pinggang dan menasihatkan pengguna supaya berhati-hati apatah lagi produk ubat-ubatan ini didapati banyak dijual di kedai ubat serta platform e-dagang.

"Melalui siasatan, ubat-ubatan



**Sahabudin (kiri) bersama Arnie** menunjukkan antara ubat tradisional tidak berdaftar yang dirampas pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pulau Pinang, Georgetown, semalam. (Foto Danial Saad/BH)

yang dirampas ini juga turut dijual di pasaran luar negara antaranya Vietnam," katanya menambah, kes disiasat mengikut

Peraturan 7(1)(a), 30(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 Seksyen 12(1) Akta Jualan Dadah 1952.